

Penganggur bersalah atas empat tuduhan jenayah dipenjara

SIBU: Seorang penganggur dijatuhi hukuman penjara selama 27 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas empat pertuduhan jenayah.

Tertuduh, Empari Ayon, 32, terdahulu dijatuhi hukuman penjara masing-masing tujuh bulan oleh Majistret Romario Jono atas dua pertuduhan mencuri dari dua bilik sewa di Lorong Bako pada 31 Mac 2026.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa mencuri telefon bimbit jenama Infinix Note 10, sehelai baju serta sepasang seluar hitam dari sebuah bilik sewa di Lorong Bako, kira-kira jam 12.39 petang.

Sementara bagi pertuduhan

kedua, dia didakwa mencuri telefon bimbit jenama Realme RMX5303 dari sebuah lagi bilik sewa di tempat yang sama, kira-kira jam 12.45 petang.

Tertuduh turut dijatuhi hukuman penjara lima bulan atas pertuduhan mencuri dua unit telefon bimbit jenama iPhone dari sebuah bilik sewa di Lorong Teku 29 pada 13 April 2026, kira-kira jam 11 pagi.

Untuk ketiga-tiga pertuduhan ini, Empari didakwa melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksaan, di mana sabit kesalahan membawa hukuman penjara hingga 10 tahun dan juga denda.

Sementara bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya,

hendaklah dikenakan hukuman penjara dan juga denda arau sebatan, jika sabit kesalahan.

Empari turut dijatuhi hukuman penjara lapan bulan atas pertuduhan mencero boh sebuah rumah di Jalan Mantis pada 22 April 2026, jam lebih kurang 2.11 petang.

Bagi kesalahan ini, dia didakwa mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan, yang memperuntukan hukuman penjara hingga tiga tahun atau denda sehingga RM5,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit dengan kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa ASP Sokolinkam Changgan, sementara tertuduh tidak diwakili.